

10/10/2003

Pak Lah yakin BN menang besar

Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin Barisan Nasional (BN) mampu mencatat kemenangan lebih besar pada pilihan raya umum akan datang berbanding 1999, berikutan komitmen semua peringkat serta gabungan dalam BN yang kini semakin mantap.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, semua parti komponen BN telah berikrar untuk memberi komitmen sepenuhnya dan beliau sendiri yang akan menerajui BN pada pilihan raya berkenaan, akan melakukan yang terbaik.

Keyakinan ini, kata beliau, ditambah lagi dengan sokongan padu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri yang memberi jaminan akan turun padang dan membantu kempen BN sebagai ahli biasa, walaupun sudah bersara daripada menjadi Perdana Menteri dan Pengerusi BN.

"Walaupun Perdana Menteri akan bersara tidak lama lagi, perjuangan parti tidak akan bersara dan akan tetap diteruskan.

"Perjuangan parti perlu diteruskan dan Dr Mahathir sendiri juga mahu terus menyumbang kepada parti walaupun selepas bersara dengan turut serta berkempen.

"Semua penyokong BN termasuk di Kubang Pasu sudah berikrar akan bekerja kuat demi menjamin kemenangan BN," katanya pada sidang media selepas melancarkan Kursus Teras Pilihan Raya Pemuda BN dan melepaskan Konvoi Aman Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Kursus itu yang dihadiri kira-kira 2,000 ahli Pemuda semua 14 parti komponen BN, diadakan di 10 Kem Latihan Bina Semangat di seluruh negara selama empat hari, mulai semalam.

Hadir sama, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat; Ketua Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Hussein dan Timbalannya, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

Abdullah yang turut ditanya bilakah kemungkinan pilihan raya akan diadakan berkata:

"Itu tak boleh beritahu. Saya tak dapat nak menyatakan secara tepat bila. Tok Mat (Tan Sri Mohamed Rahmat) kata, dia tak mimpi lagi, nak advise saya," katanya sambil berseloroh.

Ditanya apakah itu perjumpaan terakhir beliau dengan Pemuda BN sebelum pilihan raya diadakan, beliau berkata ada banyak lagi perjumpaan selepas ini bukan saja dengan Pemuda, malah Wanita dan Puteri serta semua warga BN.

Mengenai ucapan beliau ketika merasmikan kursus yang diadakan secara tertutup sebelum itu, Abdullah berkata beliau menekankan mengenai pentingnya Pemuda BN menunjukkan semangat kerjasama pada tahap tertinggi.

Katanya, ini kerana semangat kerjasama yang berkesan dan perpaduan yang kukuh adalah teras kekuatan BN.

Kursus itu, kata beliau, adalah acara paling besar diadakan sejak kewujudan Pemuda BN secara rasmi selepas perlembagaan BN dipinda baru-baru ini, bagi mengiktiraf kehadiran golongan muda yang semakin ramai.

"Pemuda juga berikrar memberi komitmen sepenuhnya untuk melaksanakan apa yang kita harapkan dan bekerjasama dengan Wanita dan Puteri dalam kempen pilihan raya akan datang," katanya.